

**NO. SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**SOALAN : 54**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan untuk mendapat pandangan rakyat (*public feedback*) Malaysia mengenai pembinaan loji kuasa nuklear. Adakah Kerajaan memperoleh perkhidmatan firma-firma perhubungan awam untuk menjalankan kerja ini.

**JAWAPAN: (YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Komunikasi awam mengenai tenaga nuklear melibatkan pelbagai peringkat. Pada peringkat permulaan, tinjauan pendapat umum perlu dilaksanakan berdasarkan amalan-amalan yang lazim digunakan oleh profesional dalam bidang berkenaan.

Untuk tujuan ini, *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) telah melantik juruperunding yang berpengalaman dalam bidang ini untuk membantu dalam melaksanakan tinjauan pendapat umum mengenai tenaga nuklear. Kajian ini termasuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif melibatkan perbincangan kumpulan berfokus, atau, dengan izin, *focus group discussion*, serta temubual mendalam, atau, dengan izin, *in-depth interviews*, dengan individu berpengaruh, atau, dengan izin, *opinion leaders*. Kajian kuantitatif pula meliputi tinjauan pendapat awam yang dipilih secara statistik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu yang dititikberatkan oleh rakyat Malaysia mengenai penggunaan tenaga nuklear pada peringkat kebangsaan. Hasil kajian ini juga akan digunakan untuk mengenalpasti penyelesaian yang sesuai kepada isu-isu tersebut, dan untuk merangka program penyebaran maklumat yang menepati keperluan maklumat oleh masyarakat umum.

Walau bagaimanapun, program penyebaran maklumat ini akan dilaksanakan oleh MNPC sebagai agensi peneraju dalam pembangunan program tenaga nuklear.

Selain daripada tinjauan pendapat umum ini, MNPC juga telah memulakan siri forum umum untuk mendapatkan pandangan rakyat Malaysia mengenai tenaga nuklear, secara telus dan terbuka.

Sekian. Terima kasih.